




Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (24)
Tarikh : 9 Jun 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 22/2021 (30 Mei hingga 5 Jun 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 22/2021 dari 30 Mei hingga 5 Jun 2021)


Pada minggu ke-22, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 26 kes (5.2%), menjadikan jumlah kes 529 berbanding 503 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-22. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 11,629 kes berbanding 46,713 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 75.1% (35,084 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak enam (6) kematian berbanding 82 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 76 kematian (92.7%) **(Lampiran A & C)**. Sejumlah lima (5) lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-22 berbanding dua (2) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak empat (4) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor manakala satu (1) lokaliti hotspot lagi berada di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-22 yang mana lapan (8) kes dari Perak, enam (6) kes dari WPKL & Putrajaya, tiga (3) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 562 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 695 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Pemantauan di Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan mendapati berlaku tren peningkatan kes Demam Denggi bagi tempoh tiga (3) minggu berturut-turut. Ini merupakan amaran awal penularan jangkitan yang berpotensi meningkat jika tiada tindakan pencegahan dilakukan oleh masyarakat. Sebagai langkah proaktif, periksa setiap bekas di dalam dan di luar rumah serta pastikan tiada takungan air untuk Aedes membiak. Pastikan barang lusuh yang tidak terpakai contohnya tayar terpakai, baldi terpakai, tong cat terpakai dan lain-lain dilupuskan secara berhemah. Pastikan longkang dan saluran air hujan tidak tersumbat oleh sampah sarap sehingga menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat Aedes bertelur. Di samping itu lakukan semburan aerosol di dalam rumah terutama pada pagi dan waktu senja bagi membunuh nyamuk Aedes dewasa. Ambil peduli bahaya Denggi, jika tidak maut menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4 Jun 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 21 dan ke- 22 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 22 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-22 tahun 2021

Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 22/2021
(30 Mei hingga 5 Jun 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 22/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 22/2020	
		Minggu 22 (30 Mei – 5 Jun 2021)		Minggu 21 (23 Mei – 29 Mei 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	9	0	26	0
2	Kedah	12	0	14	0	188	0	404	0
3	P. Pinang	14	0	7	0	203	0	369	1
4	Perak	10	0	13	0	270	0	1,697	3
5	Selangor	323	0	302	0	6,631	1	26,943	28
6	WP KL & Putrajaya	66	0	62	0	1,285	1	4,617	5
7	N. Sembilan	8	0	8	0	288	1	1,216	4
8	Melaka	9	0	8	0	364	0	976	4
9	Johor	35	0	37	0	1,087	1	4,111	16
10	Pahang	4	0	10	0	240	1	1,199	4
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	158	0
12	Kelantan	1	0	0	0	99	0	1,651	4
13	Sarawak	4	0	6	0	201	0	1,016	2
14	Sabah	42	0	36	1	743	1	2,325	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	529	0	503	1	11,629	6	46,713	82

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 22/2021
(30 Mei hingga 5 Jun 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	30	69
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	9	43
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	33
4	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	6	33
5	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	5	32

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 22/2021 (6 Jun 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	3	59
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	15	
		Tangkak	35	
2.	Kedah	Baling	4	88
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	56	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	12
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	5	
4.	Melaka	Alor Gajah	2	19
		Melaka Tengah	17	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	1	1
6.	Perak	Kinta	5	142
		Kuala Kangsar	17	
		Larut Matang & Selama	25	
		Manjung	95	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	21	32
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
8.	Selangor	Gombak	5	82
		Hulu Langat	23	
		Klang	50	
		Petaling	1	
		Sepang	3	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	27	127
		Kepong	76	
		Lembah Pantai	3	
		Titivangsa	21	
JUMLAH KUMULATIF			562	

